



# Mutiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak  
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL 137 JAN-JUN 2018

## Bingkisan Hari Gawai Aidilfitri 2018

13 MEI 2018

Seramai enam belas (16) orang rombongan dari Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan telah ke Lundu dan Sematan untuk menyampaikan sumbangan "SFWI Care and Share" kepada lima (5) buah keluarga yang meraikan Hari Gawai dan lima (5) buah keluarga lagi yang meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Program ini diadakan dengan kerjasama PPWS Daerah Lundu/Sematan.

Ahli-ahli yang menerima sumbangan tersebut ialah dari Kampung Paon, Kampung Pueh Sematan, Kampung Sebat Dayak, Kampung Sekambal Lundu, Kampung Semunin Jaya, Kampung Sileng Dayak, Kampung Sileng Melayu, Kampung Siru Dayak, Kampung Stunggang Melayu dan Kampung Temaga Dayak.



◀ Jawatankuasa yang bertugas untuk program sumbangan



# Perutusan Pengerusi Negeri



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah edisi Mutiara Berita pada kali ini telah diterbitkan untuk mewar-warkan program-program yang telah dilaksanakan oleh PPWS dari bulan Januari hingga bulan Jun untuk tahun 2018.

Sesi 2018-2020 ialah sesi di mana saya telah dipilih untuk menjadi Pengerusi Negeri PPWS. Terima kasih saya ucapkan kepada warga PPWS atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menerajui PPWS sejajar dengan visi dan misi pertubuhan ini.

Tahniah saya ucapkan kepada semua Jawatankuasa yang baru dilantik di peringkat Cawangan, Kawasan, Daerah dan Negeri bagi Sesi 2018-2020. Saya berharap agar semua memberi sokongan, kerjasama dan komited terhadap tugas yang diamanahkan dalam PPWS.

PPWS seharusnya mendapatkan lebih ramai ahli muda untuk menyertai pertubuhan ini dan mereka diberi peluang untuk memegang jawatan dalam PPWS. Usaha ini penting agar idea/saranan daripada golongan tua dan pelapis muda dapat dikongsi dan bercambah buah fikiran tentang sesuatu tugas yang hendak dilaksanakan. Apabila golongan muda menjadi pelapis kepada pertubuhan ini, PPWS akan terus kekal relevan dan tidak lapuk dek zaman. Sudah pastinya ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak mengharapkan agar pertubuhan ini terus kekal dan diterima untuk 50 tahun akan datang.

PPWS kini mencapai usianya yang ke-56 dan sambutan ulang tahun pada tahun ini akan diadakan di Mukah, Sarawak pada bulan Julai 2018. Diharap ahli-ahli PPWS dari seluruh Sarawak beramai-ramai hadir bagi memberi sokongan kepada PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit yang dilantik menjadi Jawatankuasa Pengelola Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun PPWS Ke-56.

Lazim mengenali PPWS dengan ahli-ahlinya yang memiliki pelbagai kemahiran dalam bidang masakan dan pastri, kraftangan, pengurusan keluarga, kesihatan dan sebagainya. Di sini, saya menyarankan agar wanita PPWS mengambil peluang untuk belajar meningkatkan pengetahuan dalam mengendalikan kelengkapan komputer dan menguasai penggunaan internet. Pengetahuan ini amat diperlukan kini dan amat bermanfaat khususnya kepada golongan wanita yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Urusan perniagaan dapat berjalan dengan mudah dan tidak perlu dengan cara lama yang jauh lebih sofistikated. Urusan perniagaan dapat dijalankan walaupun tidak mempunyai premis kedai dan pendapatan yang diperolehi jauh lebih lumayan.

Sehubungan itu, marilah kita bergandingan tangan untuk sama-sama memajukan ahli-ahli PPWS di bandar maupun luar bandar dengan mewujudkan program-program yang memberi impak positif kepada golongan wanita di Sarawak selari dengan aspirasi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI ISMAIL**  
**Pengerusi Negeri,**  
**Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)**  
**Sesi 2018-2020**



# Persidangan Ke-12 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh anjuran Persatuan Wanita Republik Indonesia (PERWARI)

21-25 FEBRUARI 2018


ARYADUTA JAKARTA



▲ Jamuan dan sesi taklimat ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh



▲ Delegasi dan pemerhati dari WI Sarawak



▲ Bapak Djoko Suwanto menyampaikan ceramah berkenaan Kerajaan Republik Jakarta



▲ Majlis Perasmian Persidangan Ke-12 ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh



▲ Ucapan tahniah dan terima kasih oleh Puan Norjanah Haji Razali, wakil WI Sarawak



▲ Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS merangkap Ketua Delegasi WI Sarawak membentangkan laporan WI Sarawak



▲ Penyampaian cenderahati daripada WI Sarawak kepada Mrs Ruth Shanks, ACWW World President



▲ Majlis Makan Malam- *International Night Dinner*

# KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YANG BERBAHAGIA DATO HAJAH RUGAYAH BINTI ABDUL MAJID

**18 APRIL 2018**



▲ Tujuan utama kunjungan ialah untuk melantik YBhg. Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid sebagai Penasihat PPWS Sesi 2018-2020

## *Program Sempena Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahun PPWS*

**SESI 2018-2020 PERINGKAT NEGERI**

### SEMBANG PAGI PPWS

**22 MAC 2018**

**AUDITORIUM KOMPLEKS JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK, KUCHING**



▲ Moderator sesi Sembang Pagi ialah Puan Norjanah binti Haji Razali. Para panel sesi Sembang Pagi yang telah dijemput ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Ahli Seumur Hidup PPWS; Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS; dan Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat, Ahli PPWS Daerah Kuching

Wakil-wakil PPWS dari seluruh Sarawak yang hadir ke sesi Sembang Pagi ▼



▲ Sesi perkongsian oleh wakil dari PPWS Kawasan Limbang/Lawas



▲ Sesi perkongsian oleh wakil dari PPWS Kawasan Sibul/Sarkei/Kapit, Puan Ummu Hani binti Junaidi



▲ Sesi perkongsian oleh wakil dari PPWS Kawasan Miri/Bintulu, Puan Julianna binti Haji Sidi



▲ Sesi perkongsian oleh wakil dari PPWS Kawasan Kuching/Samarahan, Puan Hilda Mesen Mayor

**PROGRAM PELANCARAN  
GERAKAN WANITA ANTI  
RASUAH (G-WAR) ANJURAN  
SURUHANJAYA  
PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA (SPRM) DENGAN  
KERJASAMA PERSEKUTUAN  
PERKUMPULAN WANITA  
SARAWAK (PPWS)**

**23 MAC 2018**

**AUDITORIUM, KOMPLEKS JABATAN BELIA  
DAN SUKAN NEGERI SARAWAK, KUCHING**



◀ Tetamu hadir semasa Program Pelancaran Gerakan Wanita Anti Rasuah (G-WAR) dihadiri oleh seramai 100 orang



◀ Penyerahan momento G-WAR oleh Penolong Pesuruhjaya Puan Barbara anak Panit kepada Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2015-2018



▲ Gimik Pelancaran G-War dirasmikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Razim bin Mohd Noor, selaku Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak



**MAJLIS MAKAN MALAM  
BERSEMPENA MESYUARAT  
PERWAKILAN TIGA  
TAHUN PPWS**

**24 MAC 2018**

**HOTEL HILTON, KUCHING**

▲ Ketibaan Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di lobi hotel dan disambut oleh ahli-ahli PPWS

▲ Berada di meja santapan bersama Tetamu Kehormat ialah dari kiri: Puan Hajah Kamariah binti Haji Hami, Naib Pengerusi PPWS Sesi 2018-2020; Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS; Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid; Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Pengelola Majlis Makan Malam PPWS merangkap Timbalan Pengerusi Sesi 2018-2020



▲ Persembahan oleh wakil dari PPWS Kawasan Limbang/Lawas



▲ Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2018-2020 menyampaikan hadiah kepada Puan Kr. Tan Eng Siang, Pengerusi PPWS Kawasan Sri Aman sempena Persembahan Khas oleh Pengerusi Kawasan seluruh Sarawak



▲ Persembahan oleh wakil dari PPWS Kawasan Sri Aman yang menjuarai Persembahan Antara Kawasan

▲ Penyampaian cenderahati disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2018-2020 kepada Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sambil diperhatikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Pengelola Majlis Makan Malam PPWS merangkap Timbalan Pengerusi Sesi 2018-2020



## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI PERKUMPULAN WANITA SARAWAK BERHAD (KOPERWANIS) KE-38

**22 MAC 2018**

**ARAS 2, BILIK SEMINAR PPWS**



▲ Wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memberi penerangan berkenaan akaun Koperasi dan Undang-undang Kecil Koperasi



▲ Anggota-anggota Koperasi yang menghadiri mesyuarat KOPERWANIS

◀ Mesyuarat KOPERWANIS dipengerusikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi KOPERWANIS

## SESI TAKLIMAT PEMBUNGKUSAN REKAAN PRODUK OLEH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**22 MAC 2018**

**ARAS 2, BILIK SEMINAR PPWS**

Taklimat telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Hari, Pengarah Majlis Rekabentuk Malaysia dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Tujuan taklimat ini diadakan ialah untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli untuk menghasilkan produk unik dan direka lebih kreatif dan inovatif.



## TAKLIMAT PENGURUSAN ASET PPWS

**23 MAC 2018**

**AUDITORIUM, KOMPLEKS JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK, KUCHING**



▲ Puan Lila M. H. Tan, Peguam Dilantik PPWS dijemput untuk menyampaikan Taklimat Pengurusan Aset PPWS



▲ Wakil-wakil dari PPWS seluruh Sarawak yang mendengar sesi taklimat tersebut



▲ Penyampaian cenderahati telah disampaikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2015-2018 kepada Puan Lila M. H. Tan, Peguam Dilantik PPWS

# MESYUARAT PERWAKILAN TIGA TAHUN PPWS SESI 2018-2020

24 MAC 2018

AUDITORIUM, KOMPLEKS JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK



Mesyuarat dimulakan dengan acara nyanyian Lagu PPWS



Delegasi dan Pemerhati dari seluruh Sarawak yang menghadiri Mesyuarat Perwakilan



Mesyuarat Perwakilan dipengerusikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2015-2018



Proses pengiraan undi dilakukan oleh Pengelola Kawasan



Sesi Penyerahan Tugas oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2015-2018 kepada Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2018-2020



Sesi pemotongan kek oleh Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS



Gambar kenangan bersama Delegasi dan Pemerhati yang menghadiri Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahun PPWS Sesi 2018-2020

**Aktiviti Jualan Kraftangan  
anuran PPWS Cawangan Bunga, Serian**  
22 April 2018



▲ Hadiah cabutan bertuah yang diperolehi ahli-ahli semasa aktiviti jualan kraftangan

▲ Turut diadakan ialah aktiviti jualan hasil tanaman ahli PPWS Cawangan Bunga, Serian

**Kelas Masakan anuran PPWS Daerah Kuching**  
7 April 2018



▲ Seramai tiga puluh (30) orang ahli PPWS di Daerah Kuching telah menghadiri kelas masakan untuk mempelajari menu Ayam Kerisik dan Puding Buah Salad

**Sambutan Hari Ibu anuran PPWS  
Cawangan Sejijag Plaman, Serian**

14 Mei 2018



▲ Aktiviti sukaneka salah satu aktiviti sampingan sambutan Hari Ibu

**Kelas Anyaman Bakul anuran PPWS  
Kampung Kakeng, Serian**

16 April 2018



**Jom Zumba Sihat anuran PPWS Daerah Simunjan**

29 April 2018



▲ Jom Zumba Sihat anuran PPWS Daerah Simunjan yang disertai 1,000 orang ahli PPWS Daerah Simunjan. Program ini turut disertai oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, calon Ahli Parlimen P.200 Batang Sadong dan Yang Berhormat Encik Awla Dris, ADUN N.26 Simunjan

**Walkaton sempena Ulang Tahun PPWS  
Ke-56 dan Hari Ibu anuran PPWS  
Cawangan Kampung Tae, Serian**

19 Mei 2018



Program walkaton diadakan di sekitar Kampung Tae, Serian dan disertai oleh seramai seratus (100) orang ahli PPWS termasuk warga penduduk Kampung Tae, Serian



**Mesyuarat Pertama PPWS  
Cawangan Simanggang**

27 Disember 2017



**Berita Kawasan**  
Sri Aman

**Majlis Makan Malam  
Mesra Warga Emas  
PPWS**

27 Disember 2017

**Majlis Ramah Tamah  
sempena sambutan Tahun  
Baru Cina 2018**

20 Februari 2018

**Majlis Ramah Tamah Tahun  
Baru Cina dan Pelancaran  
Pesta Cap Goh Mei peringkat  
Bahagian Sri Aman anjuran  
Soon Hong Society**

23 Februari 2018

**Majlis Hi-Tea Tautan Kasih  
anjuran PPWS Daerah Saratok**

14 April 2018



**Majlis Jalinan Mesra PPWS Daerah Sri Aman (Hi-Tea) bersama  
YB Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Menteri  
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

3 Mac 2018



**Objektif**

1. Mengeratkan tali silaturahim dan ukhwah antara ahli-ahli PPWS Daerah Sri Aman Betong dan Saratok
2. Mengumpul dana tabung PPWS Daerah Sri Aman bagi melancarkan segala program yang dirancang 2018

**Aktiviti-aktiviti**

Pertandingan Masakan berasaskan mi, pertandingan *make-up*, gerai jualan produk PPWS, karaoke, poco-poco, majlis (hi-tea)

▲ Fotografi kenangan semasa program ▲

Pertandingan  
masakan  
berasaskan mi



◀ Pertandingan solekan

◀ Gerai  
jualan  
PPWS



## Majlis Jasamu Dikenang

5 Februari 2018  
Daro, Sarawak



Majlis telah dihadiri oleh seramai sembilan puluh enam (96) orang ahli di PPWS Daerah Daro ▲

### Taklimat oleh Setiausaha Eksekutif PPWS Berkenaan Pembubaran Cawangan dan Daerah dalam Sistem e-ROSES

11 Februari 2018  
Pejabat PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit



### Lawatan ke Cawangan Nangar Kecil Matu

17 Februari 2018



Penubuhan Cawangan baru yang dinamakan Cawangan PPWS Nangar Kecil Matu telah disertai seramai dua puluh (20) orang ahli baru ▲

### Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahun PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2018-2020

16 Februari 2018  
Pejabat PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit



## Lawatan PPWS Cawangan Sri Kandi Dari PPWS Daerah Kuching ke Mukah

18 Mac 2018



Rombongan dari PPWS Cawangan Sri Kandi seramai tiga puluh (30) orang telah melawat Mukah dan disambut oleh PPWS Daerah Mukah ▲

**Kelas Belajar**  
**Membuat *Chocolate***  
**Moist dan Kek Cawan**  
**anjuran PPWS**  
**Cawangan**  
**Abang Barieng**  
4 Mac 2018



## Pengagihan Bubur Lambuk di Kapit

11 Mei 2018



PPWS Cawangan Kampong Baru Kapit telah mengadakan pengagihan bubur lambuk sempena bulan puasa ▲

## Program *Wellbeing of Women* (WOW) anjuran MPWK dengan kerjasama LPPKN

3 Februari 2018  
Dewan PPWS, Miri



Program WOW (*Wellbeing of Women*) anjuran MPWK dengan kerjasama LPPKN ▲



YBhg. Dato Ursula Goh menandatangani *plaque* sebagai tetamu kehormat Program WOW tersebut ▲

### Lawatan YAB Ketua Menteri Sarawak ke Bekenu

5 April 2018



Ahli-ahli PPWS Cawangan Kelulut mengambil bahagian dalam sambutan hadrah sempena lawatan YAB Ketua Menteri ke Bekenu ▲

### Penerimaan Sumbangan daripada PETRONAS melalui Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak



PPWS Kawasan Miri/Bintulu turut menerima sumbangan “CSR” daripada PETRONAS. Sumbangan telah disampaikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak ▲

### Aktiviti Membersih Kawasan Perkuburan di Kampung Kelulut, Bekenu

6 April 2018



Ahli-ahli menaiki perahu untuk aktiviti membersihkan kawasan perkuburan di Kampung Kelulut, Bekenu ▲

### Program Warga Ceria bersama JASA di Bekenu



Salah satu aktiviti yang diadakan adalah aktiviti gotong-royong dan Sembang Ceria bertempat di Rumah PPWS Bekenu ▲

## Program Infak Ramadan anjuran PPWS Daerah Bintulu/Tatau

28 April 2018



Sempena program ini, pengagihan keperluan asas kepada beberapa buah rumah di kampung-kampung sekitar Bintulu dilaksanakan sebelum menjelang bulan puasa

Ahli Jawatankuasa Pengelola mengambil gambar kenangan sebelum beredar mengagihkan keperluan asas seperti makanan ke rumah-rumah penduduk daif di sekitar kampung-kampung di Bintulu

## Berita Kawasan Miri / Bintulu

### Sesi Ziarah Kasih

24 April 2018



Sesi Ziarah Kasih telah diadakan untuk melawat ahli veteran di Miri iaitu Puan Hajah Mariam Abdul Hamid. Program ini adalah aktiviti sampingan sempena Sambutan Hari PPWS Ke-56

## Sambutan Ulang Tahun PPWS Ke-56 dan Hari Ibu 2018 Peringkat Daerah Bintulu/Tatau

12 Mei 2018

Majlis Jamuan Minum Petang sempena Ulang Tahun PPWS Ke-56 dan Hari Ibu 2018 telah diadakan di Hotel Kemena, Bintulu yang telah dihadiri oleh empat puluh (40) orang ahli



Turut hadir ialah YBhg. Dato Ursula Goh, bekas Penasihat PPWS bersama Puan Khayati Sulaiman, Pengelola Kawasan Miri/Bintulu dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kawasan Miri/Bintulu

## Sambutan Hari PPWS Ke-56 dan Hari Ibu 2018 anjuran PPWS Daerah Miri/Lutong

12 Mei 2018



Di Miri, sambutan Hari PPWS Ke-56 dan Hari Ibu diadakan di Hotel Mega, Miri dengan kehadiran tetamu seramai seratus lima puluh (150) orang

## Majlis Jamuan Minum Petang di Rumah PPWS Bekenu

8 Mei 2018



Majlis Jamuan Minum Petang telah diadakan di Rumah PPWS Bekenu dan turut hadir ialah YB Puan Hajah Rosey Yunus dan Ketua-Ketua Masyarakat



## Program Sukan Futsal dan Riadah

22 April 2018

Dewan Kampung Batu Dua, Lawas



- ▲ Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Henry Sum Agong. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah Pertandingan Pemarang, memasak gulai sayur kampung, anyaman tradisional, membuat kuih tradisional, pertandingan sukan futsal, sukaneka dan aktiviti gasing tajau. Program telah dihadiri oleh seramai dua ratus (200) orang

## Lawatan Exco Kawasan Limbang/Lawas, ke Limbang dan Lawas

12 Mei 2018



- ▲ Lawatan Exco Kawasan Limbang/Lawas, Puan Hajah Hamimah binti Haji Hasbullah dan Puan Hajah Aishah Edris ke Pejabat PPWS Daerah Lawas



- ▲ Sembang Mesra PPWS Daerah Lawas Bersama Exco Kawasan Limbang/Lawas



- ▲ Makan Malam Exco di Stesen Udang Galah Pabahanan Limbang



- ▲ Perjumpaan Exco Kawasan Limbang/Lawas bersama ahli-ahli PPWS di Limbang

**Ahli PPWS Cawangan  
Kampung Ulak Limbang  
bergotong-royong membersihkan  
kawasan perkuburan  
Labak Lanah, Limbang**

15 Mei 2018



**Sambutan Hari Ibu PPWS  
Cawangan Kampung  
Kerangan Lawas**

15 Mei 2018



**Bengkel “Klik dengan Bijak”  
dihadiri oleh PPWS  
Cawangan Kampung Ulak**

21 April 2018



**Puan Wati Masita dan Puan Siti Roni  
dari PPWS Cawangan Kampung Pelita  
menunjukkan demontsrasi membuat  
kek lapis coklat keju**

20 Mei 2018



**Nama Usahawan** : Hamidah Muhammad  
**Jenis Perniagaan** : Menjual Kuih-Muih Basah, Perusahaan Katering  
**No. Telefon** : 016-8617165



Beliau merupakan ahli di PPWS Cawangan Green, Kuching. Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 1980. Melalui PPWS, beliau telah mempelajari pelbagai kemahiran memasak dan membuat kuih-muih serta pastri. Beliau juga telah menghadiri pelbagai kursus dalam bidang keusahawanan.

Sepanjang bergiat dalam PPWS, secara tidak langsung, ahli-ahli dalam PPWS memberi semangat kepada beliau untuk terus berjaya.

Beliau menasihati golongan wanita yang ingin menceburi bidang keusahawanan perlu mempunyai jati diri yang tinggi dan jangan mudah berputus asa.

Beliau menggambarkan PPWS sebagai pertubuhan wanita bukan kerajaan (NGO) yang berkecuali dalam parti politik dan PPWS adalah platform untuk menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

## Ucapan Tahniah

### Tahniah kepada Barisan Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS Sesi 2018-2020



#### Berdiri dari kiri:

Rhohanniza Amika@Ammega (Setiausaha Eksekutif), Kuspa Arina Mohd Bohari (Ahli Dilantik), Hilda Mesen Mayor (Wakil Exco Kawasan Miri/Bintulu), Salbiah Abdullah (Wakil Exco Kawasan Kuching/Samarahan), Hajah Hamimah binti Haji Hasbullah (Wakil Exco Kawasan Limbang/Lawas), Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha (Wakil Exco Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit), Hajah Aishah Edris (Wakil Exco Kawasan Limbang/Lawas), Hajah Hamdiah Haji Mat (Wakil Exco Kawasan Kuching/Samarahan)

#### Duduk dari kiri:

Hajah Hanifah Fauziah binti Shaikh Said (Setiausaha Kehormat), Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail (Pengerusi Negeri), Dato Hajah Rugayah Abdul Majid (Penasihat PPWS), Hajah Kamariah binti Haji Harmi (Naib Pengerusi), Julia M. Payeng (Bendahari Kehormat)

#### Tiada dalam gambar:

Norjanah binti Haji Razali (Timbalan Pengerusi), Ma Bee Kuan (Wakil Exco Kawasan Sri Aman), Masnah Haji Ramli (Wakil Exco Kawasan Sri Aman), Datin Mary Masing (Wakil Exco Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit), Sara Udin (Wakil Exco Kawasan Miri/Bintulu), Sr Hajah Siti Khatijah Haji Othman (Ahli Dilantik)

<b>Penaung</b>	YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib
<b>Penasihat</b>	YBhg. Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid
<b>Pengerusi Negeri</b>	YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail
<b>Timbalan Pengerusi</b>	Puan Norjanah binti Haji Razali
<b>Naib Pengerusi</b>	Puan Hajah Kamariah binti Haji Harmi
<b>Setiausaha Kehormat</b>	Puan Hajah Hanifah Fauziah binti Shaikh Said
<b>Bendahari</b>	Puan Julia Fredarina Munah ak Payeng
<b>Exco Kawasan Kuching/Samarahan</b>	1. Puan Salbiah Abdullah 2. Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat
<b>Exco Kawasan Sri Aman</b>	1. Puan Ma Bee Kuan 2. Puan Masnah binti Haji Ramli
<b>Exco Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit</b>	1. YBhg. Datin Mary Masing 2. Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha
<b>Exco Miri/Bintulu</b>	1. Puan Hilda Mesen Mayor 2. Puan Sara Udin
<b>Exco Limbang/Lawas</b>	1. Puan Hajah Hamimah binti Haji Hasbullah 2. Puan Hajah Aishah Edris
<b>Ahli-Ahli Dilantik</b>	1. Puan Sr Hajah Siti Khatijah binti Haji Othman 2. Puan Kuspa Arina binti Mohamad Bohari

#### Hubungi Kami:

**Ibu Pejabat PPWS**  
082-244015

**Pejabat PPWS Kawasan Kuching/Samarahan**  
082-417294

**Pejabat PPWS Kawasan Sri Aman**  
083-325534

**Pejabat PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit**  
084-330640

**Pejabat PPWS Kawasan Miri/Bintulu**  
085-436235

**Pejabat PPWS Kawasan Limbang/Lawas**  
085-211307

**Laman Sesawang PPWS:**  
www.ppws.org.my